

TN50 perkukuh jati diri bangsa Malaysia

Dialog Perdana Menteri dengan generasi muda mengenai masa depan negara menjelang 2050 adalah satu pendekatan berinovatif yang segar dan perlu dicontohi. Syabas juga kepada anak muda yang petah berhujah menyampaikan pandangan mengenai pendidikan, ekonomi, perkongsian kekayaan, perpaduan kaum, alam sekitar dan kelestarian, serta jati diri bangsa.

Jika harapan anak muda ini perlu dijadikan realiti, beberapa blok binaan asas membangun negara bangsa terhormat perlu diberikan prioriti secara berterusan, dan diukur pencapaiannya menjelang 2020, 2030, 2040 sebelum menuai hasilnya pada saat 2050.

Pembuat dan pelaksana dasar perlu meninggalkan set minda tradisi dalam sistem governans berasaskan kawalan, birokrasi, kurang percaya dan dasar bersifat sektoral. Set minda baharu perlu berpegang kepada prinsip berintegriti tinggi, percaya mempercayai, keterbukaan, pendekatan holistik, kecemerlangan, kelestarian, dan menjunjung keutuhan nilai bersama.

Antara blok binaan asas yang perlu diberikan perhatian ialah: a) siapa bangsa Malaysia?; b) kekuatan bangsa ini untuk menerajui dunia; c) nilai bersama yang disanjung mewakili jatidiri bangsa; dan d) keupayaan mengharungi cabaran kehidupan yang lestari.

Mari kita yakini jiwa dan fikiran, bangsa Malaysia ialah warganegara yang tinggal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta warga yang menetap di luar negara secara sementara. Kita adalah sebahagian daripada ko-

muniti ASEAN dan warga global.

Berasaskan sejarah, bangsa Malaysia bersifat pelbagai kaum, agama dan budaya dengan Melayu atau Bumiputera sebagai kaum asal menetap di rantau ini. Persoalannya, apakah semua dasar, strategi dan tindakan negara berhasrat memajukan minda dan keupayaan bangsa Malaysia ini?

Harapan anak muda

Bangsa Malaysia ini juga terdiri daripada pelbagai kelompok – kanak-kanak, anak muda, wanita, dewasa, warga tua dan warga istimewa dan emas. Setiap kelompok ini adalah warga yang mempunyai harapan dan keperluan. Memang benar, kita perlu mendengar harapan anak muda semasa, kerana mereka bakal menjadi dewasa menjelang 2050.

Begitupun, apakah harapan anak muda ketika itu? Pembangunan ialah pencapaian cemerlang setiap dekad, oleh itu suara dan sumbangan setiap kelompok warga perlu digarap untuk membina strategi dan pelan tindakan TN50.

Kekuatan setiap bangsa terletak pada kepemimpinan berwawasan, warga bersatu padu dan saling menghormati, ilmu dan teknologi watan sikap serta tradisi keunggulan. Bangsa yang berpecah belah akan sentiasa lemah, sementara kepentingan diri dan kerakusan kelompok kecil adalah penyakit utama menyebabkan kelemahan ini tidak dapat dibendung. Suatu ketika dahulu, pemimpin sering melaungkan slogan 'bersatu teguh bercerai roboh', kini mereka pula saling bercakaran antara satu sama lain.

Satu perkara yang masih kurang diberikan keutamaan ialah pembinaan ilmu dan teknologi watan. Tidak salah pada pering-



Bangsa yang berpecah belah akan sentiasa lemah, sementara kepentingan diri dan kerakusan kelompok kecil adalah penyakit utama menyebabkan kelemahan ini tidak dapat dibendung”



kat awal, kita mengambil dan meminjam ilmu dan teknologi luaran. Ini hanya meletakkan kita sebagai warga pengikut dan kekayaan yang mampu diraih bersifat sementara dan terhad.

Pembangunan berterusan

Berbelanja untuk membina ilmu dan teknologi watan, tanpa mengira pulangan segera perlu dijadikan pegangan utama dalam membina negara bangsa yang kuat. Negara perlu berbelanja untuk membangun bakat dan teknologi canggih secara berterusan, sebelum masyarakat boleh dibiarkan berdikari. Usaha ini perlu dilakukan secara ikhlas, terbuka dan merangkumi warga yang meluas.

Isu nilai bersama bangsa Malaysia sering dikupas, tetapi tidak pernah berkesudahan. Sebabkan kita masih berhujah mengenai kepentingan sektoral bukannya wawasan bersama. Saya tertarik dengan ucapan penutup Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan “Malaysia negeri kita, Malaysia tanah tumpah darah kita, cintailah Malaysia”. Inilah kunci perpaduan nasional, kunci jati diri dan kekuatan bangsa terhormat. Soalnya apa sebenarnya Malaysia yang mahu dicintai?

Sebagai seorang ahli sains kelestarian, Malaysia yang saya cintai ialah hutan hijau tropika yang terpelihara, kepelbagaian biologi, geologi dan budaya dihayati secara terintegrasi, landskap tabii bersulam landskap buatan secara harmonis, sungai yang jernih dan udara nyaman, pengurusan sumber asli berhemah, pembangunan industri tempatan bersih yang tidak mencemar dan kebijaksanaan warganya beriltizam mengamalkan pembangunan lestari.

Komentari



Prof Emeritus Ibrahim Komoo

Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI-UKM).